



16 Julai 2012  
16 July 2012  
P.U. (A) 214

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH GAJI MINIMUM 2012

*MINIMUM WAGES ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA 2011

PERINTAH GAJI MINIMUM 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Gaji Minimum 2012**.

**Permulaan kuat kuasa**

2. (1) Perintah ini mula berkuat kuasa

(a) pada 1 Januari 2013, berhubung dengan

(i) seseorang majikan yang mengambil kerja lebih daripada lima orang pekerja; dan

(ii) tanpa mengira bilangan pekerja yang diambil bekerja, seseorang majikan yang menjalankan suatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) sebagaimana yang diterbitkan secara rasmi oleh Kementerian Sumber Manusia; dan

(b) pada 1 Julai 2013, berhubung dengan seseorang majikan yang mengambil kerja lima orang pekerja atau kurang, selain seseorang majikan yang disebut dalam subsubsubperenggan (a)(ii).

(2) Walau apa pun subperenggan (1), mana-mana orang atau golongan orang boleh, tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tarikh kuat kuasa yang terpakai bagi majikan yang berkenaan mula berkuat kuasa, memohon kepada Majlis bagi penundaan pelaksanaan Perintah ini kepada majikan yang berkenaan ke suatu tarikh yang lain.

(3) Apabila menerima permohonan di bawah subperenggan (2), Majlis boleh menjalankan kuasa Majlis di bawah subseksyen 25(2) Akta dan mengambil segala tindakan yang perlu sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 21, 22 dan 23 Akta.

### **Ketidakpakaian**

3. Perintah ini tidak terpakai bagi pekhidmat domestik sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], seksyen 2 Ordinan Buruh Sabah [*Bab 67*] dan seksyen 2 Ordinan Buruh Sarawak [*Bab 76*].

### **Kadar gaji minimum**

4. Kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja adalah seperti yang berikut:

<b>Kawasan wilayah</b>	<b>Kadar gaji minimum</b>	
	<b>Bulanan</b>	<b>Setiap jam</b>
Semenanjung Malaysia	RM900	RM4.33
Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	RM800	RM3.85

### **Kadar gaji minimum pekerja dalam tempoh percubaan**

5. (1) Walau apa pun perenggan 4 dan tertakluk kepada subperenggan (2), (3) dan (4), jika seseorang pekerja merupakan seorang pekerja dalam tempoh percubaan, kadar gaji minimum yang dinyatakan di bawah perenggan 4 yang kena dibayar kepada pekerja itu boleh dikurangkan tidak lebih daripada tiga puluh peratus daripada kadar gaji minimum itu.

(2) Peratusan sebenar pengurangan kadar gaji minimum di bawah subperenggan (1), yang tidak melebihi peratusan yang dinyatakan, boleh dibuat berdasarkan persetujuan antara majikan dengan pekerja yang berkenaan.

(3) Bagi maksud subperenggan (1), seseorang majikan dibenarkan untuk mengurangkan kadar gaji minimum seseorang pekerja hanya bagi tempoh enam bulan

pertama kontrak percubaan pekerja itu dan tiada pengurangan selanjutnya di bawah kontrak percubaan yang sama atau apa-apa pelanjutan kontrak percubaan itu dibenarkan selepas itu.

(4) Jika pengurangan kadar gaji minimum seseorang pekerja yang kontrak perkhidmatannya dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini dibuat di bawah perenggan ini dan kadar gaji minimum pekerja itu selepas pengurangan itu adalah lebih rendah daripada kadar gaji pokok yang sedang diterimanya, kadar gaji pokok itu hendaklah dikenakan dan terus kena dibayar kepada pekerja itu.

*MISALAN:*

A (pekerja dalam tempoh percubaan), seorang pekerja di Semenanjung Malaysia, yang sedang dibayar gaji pokok sebanyak RM700. Majikan boleh mengurangkan kadar gaji minimum A tidak lebih daripada 30%. Pengiraan kadar gaji minimum A adalah seperti yang berikut:

Gaji pokok semasa	Kadar gaji minimum selepas pengurangan
RM700 (gaji pokok)  Gaji pokok semasa = RM700	Gaji minimum = RM900  Peratusan pengurangan = 30%  RM900-30% = RM630  Kadar gaji minimum selepas pengurangan = RM630

Selepas pengurangan dibuat, kadar gaji minimum A adalah lebih rendah daripada kadar gaji pokok yang sedang diterimanya. Dalam hal ini, majikan tidak boleh membayar kadar gaji minimum yang dikurangkan kepada A (RM630). Kadar gaji pokok yang sedang diterima oleh A hendaklah dikenakan dan terus kena dibayar kepada A (RM700).

**Rundingan bagi penstrukturkan semula gaji**

6. Tiada apa-apa dalam Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang majikan dan pekerja, atau kesatuan sekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada merundingkan penstrukturkan semula gaji di bawah seksyen 7B Akta Kerja 1955, seksyen 9B Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 10B Ordinan Buruh Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum Perintah ini berkuat kuasa berhubung dengan majikan yang berkenaan dengan syarat bahawa

- (a) gaji pokok yang distruktur semula yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah mengikut kadar gaji minimum yang ditetapkan dalam Perintah ini;
- (b) gaji yang distruktur semula hendaklah tidak kurang baiknya daripada gaji pekerja itu yang sedia ada;
- (c) gaji yang distruktur semula tidak boleh kurang daripada jumlah gaji yang diterima oleh pekerja itu sebagaimana yang dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan sebelum penstruktur semula gaji;
- (d) penstruktur semula gaji hendaklah hanya melibatkan pembayaran bagi kerja yang dilakukan semasa waktu kerja biasa pekerja itu; dan
- (e) penstruktur semula gaji tidak boleh menyebabkan pekerja itu kehilangan apa-apa saraan yang dinyatakan di bawah perenggan (a) hingga (f) takrif gaji dalam seksyen 2 Akta Kerja 1955, seksyen 2 Ordinan Buruh Sabah dan seksyen 2 Ordinan Buruh Sarawak yang pekerja itu berhak mendapat di bawah kontrak perkhidmatan.

### **Pembatalan dan kecualian**

7. (1) Semua perintah majlis penetapan gaji yang dibuat di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 [*Akta 195*] hendaklah dibatalkan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), semua perintah majlis penetapan gaji yang dibatalkan hendaklah terus terpakai bagi majikan yang disebut dalam subsubperenggan 2(1)(b) atau subperenggan 2(2), mengikut kehendak keadaan, sehingga Perintah ini mula berkuat kuasa berhubung dengannya.